



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“BAU BUSUK TAK BERBANGKAI”

Tarikh Dibaca :

**26 SAFAR 1444H/
23 SEPTEMBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا تَرَىٰ جَمَاعَةً سَلِمًا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“BAU BUSUK TAK BERBANGKAI”

23 SEPTEMBER 2022 / 26 SAFAR 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ اجْتِمَاعِيًّا بِطَبْعِهِ، مَدْنِيًّا بِفِطْرَتِهِ، وَشَرَعَ لَهُ مِنَ الْقِيَمِ
وَالْمُبَادِي مَا يَكْفُلُ لَهُ حَسْنَ التَّعَايِشِ وَجَمِيلَ التَّوَاصُلِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَاغَ الشَّخْصِيَّةَ
الْإِسْلَامِيَّةَ الْحَقَّةَ، وَالْأَخْلَاقَ الْاجْتِمَاعِيَّةَ الرَّاقِيَّةَ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْخَيْرَةِ الْأَمَّاجِدِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَإِيمَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ اتَّقَايِهِ، وَرَاقِبُوهُ فِي السِّرِّ وَالنَّجْوَى، فَإِنَّ تَقْوَى
اللَّهِ صِمَامُ الْأَمَانِ مِنْ كُلِّ فِتْنَةٍ، وَالْحِرْزُ الْمَنِيعُ مِنْ كُلِّ هَلَكَةٍ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ
الْكَرِيمِ:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَعَامِنُوا بِرَسُولِهِ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَجْعَلْ
لَكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِ وَيَغْفِرَ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٨﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat dan keberkatan di bawah naungan dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk “**Bau Busuk Tak Berbangkai**”¹.

¹ Celaan (fitnah dan sebagainya) yang tidak benar. (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, DBP 2016)

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*, memelihara hubungan silaturrahim serta teruslah bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT dalam menempuh fitnah dunia yang semakin mencabar.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kehidupan kita hari ini menyaksikan perkembangan media sosial yang sangat pesat. Penggunaan aplikasi seperti *WhatsApp*, *Facebook* dan *Instagram* menjadi keperluan dalam banyak urusan. Tidak kira latar belakang dan peringkat umur, penggunaan media sosial menjadi kewajipan yang berfungsi sebagai medium perhubungan serta memperoleh berita dan maklumat semasa dengan pantas. Fenomena maklumat di hujung jari semakin luas berkembang sehingga terlalu banyak maklumat yang diterima dan dikongsi tanpa melihat kepada status sama ada ia benar atau palsu.

Islam tidak menghalang kemajuan teknologi atau pemodenan, bahkan amat menganjurkan penerokaan ilmu selagimana ia bertepatan dengan garis panduan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, apa yang membimbangkan pada hari ini ialah kemudahan media sosial yang telah bertukar “wajah” daripada memberi manfaat dan kemudahan kepada manusia kepada membentuk kebiasaan buruk dalam kehidupan masyarakat terhadap budaya fitnah. Perkataan “fitnah” yang berasal daripada Bahasa Arab mengandungi beberapa makna. Antaranya membawa makna seperti *ibtala'* atau ujian. Manakala dari segi istilah, fitnah mempunyai pelbagai maksud sesuai dengan situasi ia digunakan. Ibn Hajar menyebut bahawa: “*Sesungguhnya fitnah itu kebiasaannya dibuat untuk mengubah (sesuatu) dan mereka-reka*”.

Dalam masyarakat Melayu, perkataan fitnah memberi makna yang lebih spesifik. Ia merujuk kepada sebarang tuduhan yang diada-adakan untuk memburukkan atau membencanakan seseorang atau sesuatu pihak yang membawa kepada porak-peranda sebagaimana dijelaskan melalui Kamus Dewan. Berdasarkan takrifan ini, hukum fitnah jelas haram dan ditegah. Hal ini kerana perbuatan fitnah dikecam dengan keras oleh Nabi SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Huzaifah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَامٌ

Mafhumnya: “Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jika kita menelusuri lipatan sejarah, kita akan dapati banyak kesan buruk yang menimpa sesuatu masyarakat kesan dari fitnah. Antaranya, punca kematian Saidina Uthman bin Affan RA yang seterusnya membawa kepada beberapa siri peperangan sesama umat Islam pada zaman pemerintahan Saidina Ali bin Abi Talib RA. Al-Quran turut merakamkan kisah Nabi Yusuf AS yang pernah menjadi mangsa fitnah sebagaimana yang tercatat dalam Surah Yusuf ayat 23-29. Namun, kebenaran tetap terungkai dengan muncul seorang individu yang memberikan bukti dan logik bahawa Nabi Yusuf AS tidak bersalah.

Isteri Nabi SAW, Saidatina A'isyah *Radhiallahu anha* juga pernah menjadi mangsa fitnah oleh kaum munafiq. Saidatina A'isyah *Radhiallahu anha* telah dituduh melakukan perkara yang tidak bermoral dengan Safwan bin al-Mu'attal. Berikutan peristiwa tersebut, Allah SWT menurunkan wahyu-Nya kepada Baginda SAW sebagaimana boleh dilihat dalam Surah al-Nur ayat 11-13.

Selain itu, dalam sejarah Kesultanan Melayu juga terdapat perbuatan fitnah-memfitnah yang akhirnya menjadi punca kejatuhannya. Beberapa peristiwa fitnah-memfitnah yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud telah membawa kepada perpecahan, perasaan tidak puas hati dan dengki malah mengakibatkan pembunuhan seterusnya menjadi antara penyumbang utama kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis.

Inilah sebahagian dari sejarah yang telah memberi kesan yang sangat besar dalam catatan sejarah manusia. Maka, jangan pandang remeh budaya fitnah-memfitnah dan tuduh-menuduh kerana kesannya sangatlah besar dan berpanjangan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Secara umumnya fitnah berlaku dalam dua keadaan;

Pertama, apabila seseorang mengada-adakan sesuatu berita tentang seseorang lalu menyebarkannya kepada orang lain dengan tujuan untuk memburuk-burukkan atau menjatuhkan maruah orang tersebut.

Kedua, apabila seseorang menerima berita tentang seseorang tanpa menyelidiki kesahihannya lalu menyebarkannya kepada orang lain sama ada dengan niat untuk memburuk-burukkan atau tidak.

Dalam kedua-dua situasi inilah fitnah berlaku dan ia dilihat berleluasa sekali dalam masyarakat kita pada hari ini khususnya melalui saluran media sosial. Di samping perkara-perkara positif, terdapat juga unsur-unsur kemungkaran yang telah timbul, membesar, membiak dan mewabak dalam masyarakat kita melalui media sosial. Ia bukan sahaja melibatkan pendedahan aurat di sana sini, malah perbuatan mendedahkan aib orang lain juga sudah menjadi kebiasaan. Perbuatan-perbuatan seperti melemparkan tuduhan, fitnah, saling menyalah antara satu sama lain, menyebarkan cerita dan berita tidak pasti, boleh menjadi punca perpecahan dan perbalahan ummah yang boleh menjejaskan kestabilan negara. Allah SWT memberi amaran kepada setiap manusia yang suka melaga-lagakan orang lain sama ada dengan penulisan ataupun pengucapannya melalui firman-Nya dalam Surah al-Ahzab ayat 58:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *“Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sungguhpun Allah SWT telah memuliakan kita dengan akal fikiran, mengurniakan kita nikmat yang tidak terhitung, namun dunia maya dan internet ini kadang-kadang berjaya

menjadikan kita seorang makhluk yang kotor lidahnya dan buruk tulisannya, insan yang dusta dan fasiq, insan yang terburu-buru, jiwa yang gopoh, tergesa-gesa dan lemah serta pemikiran yang celaru.

Hal ini boleh diamati melalui paparan-paparan sebahagian pengguna media sosial pada hari ini yang sangat mudah terjebak dengan perbuatan fitnah sesama manusia. Ingatlah, bahawa Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa pembuat dan penyebar fitnah kecuali individu yang difitnah telah memberikan kemaafan. Betapa berat kesan penyebaran fitnah itu kerana ia boleh mengakibatkan jatuhnya maruah seseorang individu, tokoh atau kumpulan tertentu.

Fitnah juga boleh merosakkan persaudaraan, menyebabkan keadaan menjadi kucar-kacir bahkan boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Bermula dengan fitnah, hubungan adik-beradik, suami isteri, jiran tetangga dan sebagainya rosak akhirnya hancur bahkan membentuk permusuhan yang berkekalan hingga mengganggu-gugat keamanan negara. Oleh itu, marilah sama-sama kita melakukan perkara-perkara yang lebih bermanfaat berpandukan syariah daripada melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Allah SWT yang akhirnya membawa musibah kepada negara dan merugikan ummah.

Atas asas itu, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melancarkan **Kempen Hentikan Fitnah di Media Sosial**. Mimbar melihat bahawa inisiatif ini sangat wajar diwujudkan bagi memastikan seluruh lapisan masyarakat mendapat sebaran maklumat atau berita yang sahih dan betul. Ayuhlah, kita bersama-sama menjadi pemutus kepada mata rantai fitnah agar generasi yang akan datang dapat diselamatkan. Marilah kita berganding bahu membanteras jenayah fitnah melalui media sosial semoga ia dapat dihentikan dan dihapuskan.

HADIRIN SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah yang disampaikan pada hari yang mulia ini khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian:

Pertama: Islam melarang penyebaran fitnah dan memberi ancaman balasan yang sangat dahsyat kepada pelakunya.

Kedua: Hendaklah kita berpegang teguh kepada nilai-nilai ajaran Islam dan jangan sesekali melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak termasuklah perkara-perkara yang boleh mendatangkan fitnah.

Ketiga: Marilah bersama-sama kita menggerakkan Kempen Hentikan Fitnah di Media Sosial ke arah usaha membanteras jenayah fitnah melalui media sosial dan mewujudkan kehidupan yang aman harmoni.

Firman Allah SWT menerusi Surah al-Nur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ

مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ

الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ،

تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَندَرِيَهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ

إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.